

28 SEP 2000

Khalil-PAS

BUKU IBU DAULLAH BUKTI PENYELEWENGAN PAS

KOTA BAHARU, 28 Sept (Bernama) -- Penyelewengan ketara pemimpin PAS yang mempergunakan Islam bagi kepentingan politik yang selama ini sukar diterima oleh penyokong parti itu boleh dikesan menerusi penerbitan buku bertajuk "Islam Optimis Melangkah ke Alaf Baru: Mengapa Pilih Parti Islam?."

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Setiausaha Agung Umno berkata buku tulisan Ibnu Daullah itu yang dikatakan menghina Nabi Muhammad turut memaparkan kandungan yang tidak munasabah yang melibatkan pemimpin PAS.

"Selepas membaca buku itu kita boleh fikir sendiri sama ada kandungan buku itu (berhubung kedudukan PAS) munasabah atau sebaliknya," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dua minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata PAS menyalahgunakan Islam untuk kepentingan politik dengan mengeluarkan buku itu yang menyatakan Nabi Muhammad pemimpin parti Islam pertama.

Bagaimanapun Musyidul Am PAS Nik Aziz menafikan parti itu terbabit dalam menulis dan menerbitkan buku itu dan mendakwa penerbitan buku itu adalah rancangan daripada Umno.

Pada kulit belakang buku itu ada disiarkan "Amanat Untuk rakyat Malaysia" oleh Presiden PAS Datuk Fadzil Noor.

Khalil berkata pemimpin PAS menafikan buku itu diterbitkan oleh mereka kerana menyedari buku itu mendedahkan banyak kelemahan dan niat buruk parti itu.

Ditanya sama ada kerajaan berhasrat untuk mengharamkan buku itu, beliau berkata secara peribadi beliau berpendapat langkah itu tidak perlu dibuat.

"Buat apa nak haram, kalau boleh biar semua orang baca. Ini bukan nak galak orang membaca buku itu tetapi untuk mendedahkan penyelewengan PAS," katanya.

Terdahulu, Khalil merasmikan majlis muzakarah ulama dan umarak anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas Malaysia, Kelantan di sini.

Majlis sehari itu yang dihadiri seramai 200 pemimpin masyarakat turut mendedahkan kepada peserta beberapa isu semasa termasuk ceramah bertajuk "Penyelewengan Tafsiran PAS mengenai ajaran Islam" oleh bekas Naib Presiden PAS Datuk Mohd Nakhaie Ahmad.

Berhubung majlis itu, Khalil berkata Umno selepas ini akan bersikap lebih agresif untuk memberi maklumat dan penerangan kepada rakyat bagi menepis segala tohmahan PAS selama ini.

Katanya penyelewengan PAS kini telah sampai ke tahap membimbangkan apabila pemimpin parti itu memutar-belitkan fakta hingga menjejaskan hubungan dan perpaduan sesama Melayu.

"Sebilangan rakyat sebenarnya tahu mengenai penyelewengan yang dibuat PAS tetapi mereka tidak mahu bertindak. Jadi ini tanggungjawab kita," katanya.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed dan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas Malaysia Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir.

-- BERNAMA

RAR NMO